



MUHAMMAD Daniel Haikal
menerima proses
menyumbang kaki palsu yang
dilakukan syarikat
Zaini Kaki Palsu

Pekan: Peluang remaja cacat, Muhammad Daniel Haikal Hasdi berjalan tanpa tongkat semakin cerah apabila syarikat pembuat kaki palsu mahu merealisasikan impian anak sulung daripada tiga beradik itu.

Syarikat Kedidi Kaki Palsu berpangkalan di Seri Kembangan, Selangor bersetuju menyumbang kaki palsu buatan tangan sepenuhnya kepada remaja terbabit yang masih belajar di tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar, di sini.

Jurucakap syarikat itu, Syafiq Redzuan Abdullah berkata, selepas membaca berita diisarkan Harian Metro minggu lalu pihaknya mengambil keputusan menyumbangkan kaki palsu berkualiti tinggi kepada remaja terbabit.

Menurutnya, ada beberapa faktor menyebabkan remaja itu tidak selesa memakai kakinya diterima sebelum ini hingga berlaku kecederaan dan berdarah pada kakinya yang cacat sejak lahir.

Berbekalkan kepakaran yang syarikat miliki, kami yakin kaki palsu seratus peratus buatan tangan yang di-

Peluang Daniel Haikal berjalan makin cerah

hasilkan dapat menyelesaikan masalah dihadapi Muhammad Daniel Haikal yang terpaksa menggunakan tongkat bahu untuk kesekolah.

"Menjadi tanggungjawab kami membantu remaja terbabit bergerak dengan selesa tanpa menyebabkan kecederaan dan keadaan tidak selesa secara berterusan," katanya yang berkunjung ke rumah remaja itu di Kampung Batu Lapan Lepar, semalam.

Syafiq Redzuan berkata, selepas mengambil ukuran dan bentuk kakinya pihaknya akan mengambil masa dua minggu untuk menyiapkan kaki palsu berkualiti tinggi sebelum dapat digunakan remaja terbabit.

Katanya, bantuan kaki palsu itu diharap dapat memberi lebih keselesaan untuk bergerak terutama di sekolah dan mengikuti aktiviti di luar rumah.

Apabila siap nanti kita akan menyerahkan sendiri kaki palsu kepada Muhammad Daniel Haikal sebelum ini supaya membaiknya.

"Saya akan pastikan kemudahan yang dibertikan itu dapat digunakan dengan selesa dan memuaskan," katanya.

Harian Metro sebelum ini menyuarakan berita mengenai kepayahan remaja terbabit yang dilahirkan cacat kakinya tidak dapat menggunakan kaki palsu sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disebabkan tulang kakinya dipotong tahun lalu melembang.

Malah setiap kali memakai kaki palsu itu, kakinya akan nyeri luka dan berdarah hingga menimbulkan pelbagai masalah menyebabkan dia memilih menggunakan tongkat ke sekolah dan berkerusi roda di rumahnya.

Sementara itu, Pegawai JKM Pekan, Zulkifli Mahmud berkata, pihaknya sudah mengarahkan syarikat yang bertanggungjawab membelakangi kaki palsu kepada Muhammad Daniel Haikal sebelum ini supaya membaiknya.